# Kenapa permohonan saya ditolak?

*Why was my application rejected?*




MyKNP
KHIDMAT NASIHAT PEMBIAYAAN
FINANCING ADVISORY SERVICES

Inisiatif ini merupakan kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bermatlamat meningkatkan pengalaman pemohon pembiayaan, termasuk memberi pemahaman yang lebih baik mengenai faktor-faktor yang menjejaskan permohonan pembiayaan mereka selain membantu meningkatkan kelayakan untuk memperoleh pembiayaan pada masa depan dengan mendapatkan khidmat nasihat kewangan.

*A joint collaboration between the Bank, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) and Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), with the support of the financial industry has led to the establishment of Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) to improve financing applicants' experience, including providing greater understanding of the factors affecting their financing application as well as help in raising their eligibility for future financing by providing advisory on financing.*

# Dana Rumah Mampu Milik

## *Fund for Affordable Homes*

**Rumahku Syurgaku - Inisiatif Khas untuk Rumah Mampu Milik**
*Home Sweet Home for All – Special Measures for Affordable Homes*




Dana ini akan tersedia selama dua tahun mulai 2 Januari 2019 atau sehingga dana RM1 bilion itu habis digunakan. Di bawah dana ini, pembeli rumah yang layak boleh mendapatkan pembiayaan pada kadar konsesi di institusi kewangan yang mengambil bahagian.

*Available for two years from 2 January 2019 or until the RM1 billion fund is fully utilised, this fund will allow for eligible home buyers to obtain financing at a concessionary rate at participating financial institutions.*




# Perbankan Maya Telah Tiba

*Unfolding the Era of Virtual Banking*

Bank Negara Malaysia sedang memuktamadkan rangka kerja pelesenan untuk bank digital yang akan diterbitkan untuk perundingan industri, manakala rangka kerja akhir akan dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2020 seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2020!

*The Bank is currently finalising the digital bank licensing framework for industry consultation. The final framework will be issued by the first half of 2020 as tabled in Budget 2020!*